PENGENALAN PENASIHAT KEWANGAN

Pengenalan
Pengenalan penasihat kewangan (PK) ialah salah satu daripada saranan di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan untuk menggalakkan pembangunan saluran pengagihan baru bagi produk insurans hayat dan bagi meningkatkan profesionalisme dalam penjualan produk insurans hayat.

PK merupakan kategori pengantara baru yang memiliki kelayakan profesional dan kepakaran khusus untuk memberi nasihat bebas kepada individu mengenai pelbagai produk kewangan, termasuk insurans, bagi memenuhi keperluan perancangan kewangan mereka. PK mempunyai peranan yang penting dalam menyediakan khidmat nasihat kewangan yang menyeluruh kepada pengguna, terutamanya dalam aspek perlindungan insurans, simpanan untuk pendidikan, perancangan persaraan dan pelaburan untuk masa depan.

Perkhidmatan yang disediakan oleh PK termasuk menganalisis keperluan perancangan kewangan seseorang individu atau isi rumah yang berkaitan produk insurans dan mengesyorkan jenis produk yang sesuai, mendapatkan produk tersebut daripada penanggung insurans yang berlesen atau mengaturkan kontrak insurans. Di samping produk insurans, mereka juga boleh memberikan nasihat dan memasarkan produk kewangan lain kepada pelanggan, tertakluk kepada mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

Rangka Kerja Pengawalseliaan untuk Pelesenan PK
Bagi menggalakkan perkembangan industri perancangan kewangan yang teratur dan untuk meningkatkan perlindungan pengguna dalam industri insurans, Bank meminda Akta Insurans 1996 (Akta) dan Peraturan-Peraturan Insurans 1996 pada bulan Oktober 2005 untuk mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan bagi pelesenan PK.

Berikutan pindaan kepada Akta, pada bulan November 2005, Bank juga mengeluarkan satu set garis panduan pelesenan untuk memudahkan permohonan lesen PK dan pelantikan wakil PK di bawah Akta.

Garis panduan tersebut menetapkan kriteria pelesenan, berbagai-bagai keperluan dan syarat pembangunan untuk dipatuhi oleh PK dan wakil PK.

Kriteria Pelesenan untuk PK
- Pertubuhan Perbadanan
  Pemohon mestilah merupakan sebuah pertubuhan perbadanan yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

- Dana Modal Minimum
  PK mesti mempunyai dana modal minimum (tidak terjejas oleh kerugian) sebanyak RM100,000.

- Komposisi Pemegangan Saham dan Pekerja
  Sekurang-kurangnya 51% daripada pemegangan saham pertubuhan perbadanan dimiliki oleh warga Malaysia. PK hendaklah berusaha mengekalkan komposisi ekuiti dan tenaga kerja yang selaras dengan dasar ekonomi Malaysia dari segi pemegangan ekuiti oleh Bumiputera dan komposisi kakitangan Bumiputera sekurang-kurangnya 30%.

- Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan Lembaga Pengarah
  KPE dan pengarah PK perlu memenuhi kriteria layak dan sesuai seperti yang digariskan di bawah Akta dan mematuhi pekeliling/garis panduan berhubung dengan tadbir urus korporat yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Pelantikan KPE dan pengarah tertakluk kepada kelulusan Bank di bawah seksyen 70 Akta. Sekurang-kurangnya seorang daripada pengarahnya dikehendaki menjadi wakil PK.

- Insurans Indemniti Profesional
  PK perlu mempunyai perlindungan insurans indemniti profesional sekurang-kurangnya RM200,000 bersih setelah ditolak deduktibel.

Keperluan bagi Wakil PK

- Umur
  Wakil PK hendaklah berumur sekurang-kurangnya 21 tahun.

- Pemastautin
  Wakil PK hendaklah merupakan seorang pemastautin di Malaysia.

- Kelayakan
  Pemohon perlu memiliki kelulusan Perancang Kewangan Berdaftar yang dianugerahkan oleh Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MPKM) dan/atau kelulusan profesional lain seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

- Komitmen
  Wakil PK yang diambil bekerja oleh PK hendaklah bertugas sepenuh masa.

- Latihan
  (i) Wakil PK dikehendaki mengikuti program latihan lanjutan selama 20 jam mengenai insurans hayat daripada sebuah badan pendidikan, seperti Institut Insurans Malaysia (MII), atau latihan dalam syarikat oleh syarikat insurans atau institut latihan lain yang diluluskan oleh Bank. Latihan selama 20 jam itu perlu disempurnakan dalam masa enam bulan dari tarikh pelantikan; dan

  (ii) Sebagai sebahagian daripada program latihan berterusan, wakil PK perlu mengikuti program Pembangunan Profesional Berterusan (PPB) selama minimum 30 jam setiap tahun. Jenis kursus yang layak untuk PPB boleh didapati daripada pelbagai kursus yang ditawarkan oleh pelbagai organisasi yang menyediakannya, seperti MII, Persatuan Kebangsaan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Malaysia dan syarikat insurans, dan perlu merangkumi kursus teknikal dan bukan teknikal yang berkenaan.

- Kriteria Layak dan Sesuai
  Wakil PK perlu sentiasa memenuhi kriteria layak dan sesuai seperti yang ditetapkan di bawah Akta dan mematuhi pekeliling/garis panduan berhubung dengan tadbir urus korporat yang dikeluarkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Pelantikan wakil PK tertakluk kepada kelulusan Bank di bawah seksyen 70(1A) Akta.

Keperluan Lain

- Mematuhi Kod Tatalaku
  PK dan wakilnya perlu sentiasa mematuhi pekeliling/garis panduan dan arahan lain yang dikeluarkan oleh Bank, peraturan dan kod etika yang dikeluarkan oleh MPKM mengenai pengendalian perniagaan nasihat kewangan atau penjualan produk insurans di Malaysia.

- Lesen Tahunan
  Lesen akan diperbaharui setiap tahun tertakluk kepada pematuhan dengan keperluan pelesenan yang ditetapkan. Fi pelesenan sebanyak RM500 perlu dibayar kepada Bank setelah mendapat kelulusan lesen baru atau pembaharuan lesen tahunan.

- Keperluan Am Lain
  PK juga akan tertakluk kepada keperluan am lain yang dikenakan atas pemegang lesen di bawah Akta.

Melangkah ke Hadapan

Di peringkat awal pembangunannya, industri perancangan kewangan di Malaysia akan dikawal dari segi fungsian, dengan pihak berkuasa masing-masing akan bertanggungjawab mengawal selia aktiviti di bawah bidang kuasa mereka. Berhubung dengan perkara ini, PK yang menyediakan nasihat mengenai produk insurans akan berada di bawah skop Akta, dengan Bank sebagai pengawal selia yang utama. PK akan tertakluk kepada keperluan Suruhanjaya Sekuriti berkaitan dengan khidmat nasihat pelaburan, sekiranya PK berhasrat menyediakan perkhidmatan sedemikian. Pendekatan fungsian ini akan dikaji semula apabila industri perancangan kewangan telah berkembang dari segi saiz dan skop aktiviti. Matlamat utama adalah untuk membentuk rangka kerja pengawalseliaan secara berperingkat-peringkat yang akan memudahkan pembangunan industri tersebut.

Seiring dengan konsep pendekatan pengawalseliaan yang menyeluruh, Bank menggalakkan penubuhan organisasi pengawalseliaan kendiri yang tunggal (self-regulatory organisation) untuk industri perancangan kewangan yang boleh menyediakan dan menguatkuasakan satu set kod etika dan keperluan pematuhan yang ketat bagi memastikan orang ramai diberi perkhidmatan secara profesional. Untuk tujuan ini, MPKM yang ditubuhkan oleh MII, Persatuan Kebangsaan Insuran Hayat dan Penasihat Kewangan Malaysia dan Persatuan Insurans Hayat Malaysia, telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelaraskan pembentukan satu badan kebangsaan yang bertanggungjawab menyeragamkan amalan perancangan kewangan. Badan ini dijangka menguatkuasakan satu set kod etika yang ketat untuk mendukung imej profesional peserta industri dan menggalakkan pembangunan dan kemajuan selanjutnya bagi golongan perancang kewangan.

Satu siri jerayawara dan seminar akan dianjurkan oleh MPKM bersama dengan persatuan lain yang berkaitan, ke seluruh Malaysia. Ini bertujuan mewujudkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan perancangan kewangan dan untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan penasihat kewangan yang dapat menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan kewangan kepada pengguna.

Kesimpulan

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, pengguna dijangka boleh mendapatkan nasihat profesional yang berkualiti tinggi mengenai produk kewangan, termasuk insurans yang akan memenuhi objektif perancangan kewangan mereka secara paling berkesan.

Pembangunan khidmat nasihat kewangan yang teratur dalam negara diharap dapat meningkatkan penembusan pasaran industri insurans hayat, selain daripada menggalakkan profesionalisme yang lebih baik dalam penjualan insurans serta produk kewangan.